

Malaysia pangkalan pelaburan Asia: PM

BH 21 SEP 1988
Foreign Dept
Daripada AHMAD NAZRI ABDULLAH

COLOGNE, Selasa — Malaysia adalah pangkalan yang sesuai untuk pelabur Barat memasuki Rantau Pasifik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, ini kerana Malaysia mampu menggabungkan kekayaan bahan mentah, kemudahan asas, tenaga pekerja dengan dasar yang realistik dan pelbagai galakan pelaburan berkesan.

Berucap di seminar pelaburan di sini, Perdana Menteri menegaskan, pelabur Jerman Barat boleh memasuki pasaran Asean, Jepun dan China dengan mudah jika beroperasi di Malaysia.

Katanya, Malaysia mempunyai kemudahan asas seperti jalan, telekomunikasi, pelabuhan, lapangan terbang, tenaga dan tenaga pekerja yang setanding dengan negara maju.

"Kedatangan pelabur Jepun membuat barangan mereka di Malaysia untuk dieksporth kembali ke Jepun membuktikan Malaysia tempat yang sesuai untuk melabur.

"Barangan anda juga boleh bersaing di pasaran Jepun yang kini terbuka luas jika anda beroperasi di Malaysia," tegas Perdana Menteri.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, langkah Malaysia mempelbagaikan ekonominya daripada mengeksporth bahan mentah kepada mengeksporth barangan siap dan separuh siap memerlukan penyertaan modal luar.

"Masa depan ekonomi Malaysia yang berasaskan kepada pengeluaran dan eksport barangan yang sofistikated akan memerlukan input pelabur luar yang berterusan," katanya.

Lihat muka 2 ruang 1

Mahathir pelawa pelabur Jerman Barat

Dari muka 1

Sehubungan itu, Malaysia menyediakan pelbagai galakan pelaburan seperti pemegangan ekuiti 100 peratus bagi keluaran untuk eksport dan dasar yang liberal bagi kemudahan eksekutif luar.

"Kami juga tidak menyekat pengaliran modal dan keuntungan. Anda boleh membawa keluar keuntungan dan modal anda pada bila-bila masa yang anda suka. Kalaupun ada borang yang kena diisi, itu hanya bagi tujuan statistik," katanya.

Seminar anjuran Persekutuan Industri Jerman Barat (BDI), Kesatuan Industri dan Perniagaan Jerman Barat (DITH), Pertubuhan Bank-Bank Jerman Barat, Persekutuan Pemborong dan Perdagangan Luar Jerman Barat dan Kumpulan Perniagaan Jerman Barat-Malaysia itu dihadiri kira-kira 170 peserta.

Perdana Menteri mengambil kesempatan di seminar itu mempelawa pelabur Jerman Barat mengambil bahagian dalam program pengswastaaan yang sedang dijalankan oleh kerajaan.

Katanya, program pengswastaaan mengalu-alukan penyertaan asing, terutama dalam bidang teknikal, perniagaan dan pengurusan yang boleh meningkatkan kekesanan dan produktiviti agensi yang diswastakan.

"Oleh kerana pasaran modal tempatan agak terhad untuk pelaburan dalam projek besar, penyertaan modal asing amatlah dialu-alukan," ujarnya.

Suasana

Menurut Perdana Menteri, kerajaan sedang menyiapkan pelan induk pengswastaaan bagi menswastakan pelabuhan, keretapi dan kemudahan awam. Pengswastaaan lapangan terbang dan perkhidmatan pos juga sedang dikaji.

Setakat ini kerajaan sudah menswastakan 14 projek, antaranya syarikat penerbangan, perkapalan, terminal kontena, projek membuat jalan dan jambatan, projek pembekalan air dan janakuasa.

Mengenai suasana politik, Perdana Menteri berkata Malaysia adalah negara demokratik yang stabil berbanding beberapa negara membangun dan maju.

"Pergolakan dalam parti adalah perkara biasa dalam proses demokrasi malah menjadi petanda kepada demokrasi yang sihat.

"Hakikat Barisan Nasional dan sebelumnya Perikatan berjaya menubuhkan kerajaan sejak merdeka, menunjukkan pengesahan dan keyakinan rakyat terhadap dasar kerajaan.

"Pada masa yang sama pembangkang juga berjaya memenangi beberapa kerusi untuk membolehkan suara mereka didengar di Parlimen dan di mana saja. Ini semua menunjukkan demokrasi hidup di Malaysia," ujarnya.